



## SIARAN MEDIA

### AKSES DAN PEMERKASAAN ORANG KURANG UPAYA JADI TEMA SAMBUTAN HARI OKU KEBANGSAAN 2015

**PUTRAJAYA, 2 NOVEMBER** –Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan tahun ini membawa tema Kepentingan Inklusif : Akses dan Pemerksaan Orang Kurang Upaya. Perkara ini diumumkan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada sidang media sempena Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi OKU di sini, hari ini.

Dato’ Sri Rohani Abdul Karim berkata “sambutan Hari OKU Kebangsaan 2015 akan disambut pada 3 Disember pada lokasi yang akan ditentukan kelak. Pada tahun ini, sambutan diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan masyarakat inklusif sebagai tanggungjawab bersama, memberi penghormatan dan pengiktirafan terhadap kemampuan, potensi dan sumbangan OKU serta menetengahkan inisiatif kerajaan dalam memenuhi hak dan kepentingan OKU.

Tambah beliau lagi, “pelbagai program telah dirancang pada hari tersebut seperti persembahan dan pertandingan bakat OKU, pelancaran Job Coach Network Malaysia serta pameran dan jualan produk dan peralatan OKU.

Majlis pada hari tersebut turut menyaksikan pelbagai anugerah akan dipertandingkan seperti Anugerah Khas OKU, Anugerah Majikan Prihatin, Anugerah PDK Cemerlang dan Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU.

Isu OKU turut tidak dilupakan di dalam Pembentangan Bajet 2016 baru-baru ini. Antara manfaat yang diperoleh adalah pemberian **RM350 sebulan kepada OKU bekerja dan RM200 kepada OKU tidak bekerja, serta penjagaan OKU terlantar sebanyak RM300 sebulan dengan peruntukan sebanyak RM445 juta** yang boleh memberi **manfaat kepada seramai 150 ribu OKU.**

Turut diumumkan adalah **RM100 juta disediakan** termasuk untuk menambah **20 lagi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti**. Bagi ibu bapa yang mempunyai **anak Orang Kurang Upaya yang sedang melanjutkan pengajian di institusi dalam dan luar negara, had pelepasan cukai dinaikkan sehingga RM14 ribu** bermula tahun hadapan.

\*\*\*

Disediakan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Aras 35, Persiaran Perdana  
PUTRAJAYA  
Tel: 03-8323 1088 E-mel: [info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)